



WIRA-WIRA yang terdiri daripada anggota penyelamat bergambar selepas terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan selama sembilan hari yang berakhir kelmarin. - SHIDDIEQIIN ZON

Korban kejadian tanah runtuh di Batang Kali amat meruntun hati

Kejayaan terbesar menemui semua mangsa

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm di Jalan Batang Kali-Genting Highlands, Hulu Selangor pada 16 Disember lalu yang meragut 31 nyawa termasuk kanak-kanak disifatkan sebagai tragedi terburuk pada tahun ini.

Dalam kejadian pada pukul 2.30 pagi itu, seramai 61 lagi mangsa terselamat dengan runtuhannya dianggarkan setinggi bangunan 10 tingkat.

Kejadian menyayat hati itu mengorban 18 dewasa dan 13 kanak-kanak dengan 20 mayat ditemui di Sektor A, satu di Sektor B dan 10 lagi di Sektor C.

Kesemua mangsa yang meninggal dunia berusia setahun hingga 67 tahun.

Bencana itu merupakan kejadian kedua terbesar selepas tragedi Kondominium Highland Towers, Ampang runtuh pada 1992 yang mengorbankan seba-



LOKASI kejadian tanah runtuh yang mengorbankan 31 mangsa di Batang Kali, Hulu Selangor. – SHIDDIEQIIN ZON

nyak 48 nyawa

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Datuk Norazam Khamis berkata, anggota yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) bekerja keras

mencari mangsa-mangsa yang tertimbus dalam tragedi itu.

“Kemampuan dan keupayaan mencari dan menyelamatkan tertumpu kepada mangsa yang hidup. Kita (pasukan SAR) sedaya upaya mencari mangsa

yang masih hidup, itu fokus kami.

“Sebagai agensi yang mengetahui SAR, kejayaan terbesar adalah menemui kesemua mangsa tragedi tanah runtuh tersebut,” katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya diberikan amanah dalam misi penting itu dan menempatkan pasukan terbaik yang terlatih serta berkemahiran tinggi bagi mencari mangsa yang hilang.

Selain JBPM, operasi SAR tanah runtuh turut disertai polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan pasukan Smart.

Cerita beliau, penemuan mayat mangsa dipercayai ibu dan bayi dalam keadaan berpelukan meruntun hati anggota SAR.

Sementara itu, pakar alam sekitar, Prof Dr. Ahmad Ismail memberitahu, sebarang pembinaan di kawasan alam semula jadi sama ada perkhemahan atau aktiviti hutan adalah tidak beresuaian kerana berisiko tinggi.

“Kawasan yang dibangunkan

INFO

- Jumlah mangsa: **92 orang**
- Selamat: **54 orang**
- Cedera: **7 orang**
- Kematian: **31 orang**

mestilah perlu mengambil kira faktor seperti kualiti tanah, laluan air pada permukaan dan bawah tanah, cerun dan tumbuhan.

“Sekiranya pembangunan dilakukan, pemantauan berterusan mesti dibuat terutama pada musim hujan bagi mengetahui pergerakan tanah, takungan air dan sebagainya,” katanya.

Jelas beliau, peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain penting dalam memberikan nasihat dari segi penggunaan tanah sebelum menjalankan sebarang aktiviti di kawasan melibatkan alam semula jadi oleh pengusaha.